

# Tiga tahun berturut-turut raih Anugerah GCOM MPHTJ kekalkan momentum perbandaran 'hijau'

Norafiqah Jamal

AYER KEROH - Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) mengekalkan momentum dan kecemerlangan selepas menerima anugerah Global Covenant of Mayors (GCOM) for Climate dan Energy-GCOM Mitigation and Adaptation Badges Awards 2024 berlangsung di sebuah hotel di Jakarta, Indonesia, baru-baru ini

MPHTJ diwakili Yang Dipertuannya, Datin Sapiah Haron bagi menerima anugerah tersebut sempena Climate Resilience and Innovation Forum 2025 (CRIF2025).

Sapiah berkata, pengiktirafan itu diterima MPHTJ buat tahun ketiga berturut-turut selepas berjaya mengekalkan status 'compliant' bagi 2022 dan 2023.



"Pengiktirafan ini merupakan satu penarafan yang memberi ruang kepada semua perbandaran seluruh dunia mengenai usaha yang komited dalam pelaksanaan agenda hijau, inisiatif mitigasi dan adaptasi perubahan iklim.

"Dalam usaha menyokong usaha menangani kesan perubahan iklim, MPHTJ akan terus mengekalkan momentum dan komitmen sebagai sebuah Perbandaran Rendah Karbon dan Pelaksana agenda

“Satu penarafan yang memberi ruang kepada semua perbandaran seluruh dunia mengenai usaha yang komited dalam pelaksanaan agenda hijau, inisiatif mitigasi dan adaptasi perubahan iklim.”



**SAPIAH** ketika mewakili MPHTJ menerima Anugerah GCOM Climate dan Energy-GCOM Mitigation and Adaptation Badges Awards 2024 kelmarin di sebuah hotel di Jakarta, Indonesia.

Matlamat Pembangunan Mampan Tahun 2030 (SDG2030)," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Sapiah berkata pada forum itu juga turut diadakan sesi penyerahan pelaporan Smart Urban Green Practice in

ASEAN kepada MPHTJ.

"Pelaporan yang diterima MPHTJ itu mengandungi pelbagai contoh amalan terbaik berkaitan kemampuan dan perubahan iklim sebagai mengiktiraf usaha-usaha yang dilakukan oleh

MPHTJ.

"Amalan terbaik oleh MPHTJ seperti MPHTJ Low Carbon Eco Schools Program dan Energy Management Program antara yang turut tersenarai dalam pelaporan terbit," katanya.